

Keberkesanan Program Tazkiyat al-Nafs dalam Membentuk Penghayatan Agama dan Tingkah Laku Positif Pelatih di Raudhatus Sakinah

The Effectiveness of the Tazkiyat al-Nafs Program in Fostering Religiosity and Positive Behaviour among Trainees at Raudhatus Sakinah

*WAN NORNABILAH WAN MOHD AZMAN
FARIZA MD SHAM

ABSTRAK

Masalah sosial dan salah laku dalam kalangan remaja, khususnya remaja wanita, semakin membimbangkan dan memerlukan pendekatan intervensi yang berkesan. Pusat bimbingan Raudhatus Sakinah di Rawang, Selangor, memainkan peranan penting dalam membentuk semula peribadi remaja wanita melalui pendekatan tazkiyat al-nafs. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan pendekatan tazkiyat al-nafs dalam membentuk penghayatan agama dalam kalangan pelatih di pusat tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui edaran borang soal selidik secara bersemuka kepada 28 orang pelatih yang mengikuti program bimbingan secara sepenuh masa selama dua tahun. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 30.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan tazkiyat al-nafs memberikan impak positif terhadap perubahan tingkah laku dan penghayatan nilai-nilai akhlak Islam dalam kalangan pelatih. Walau bagaimanapun, dapatan ini berkemungkinan dipengaruhi oleh persekitaran pusat yang terkawal serta kecenderungan pelatih untuk memberikan respons positif semasa berada di bawah pengawasan. Oleh itu, kajian lanjutan secara longitudinal disarankan bagi menilai kesinambungan kesan bimbingan tazkiyat al-nafs setelah pelatih kembali ke masyarakat.

Kata kunci: Tazkiyat al-nafs, penghayatan agama, tingkah laku, Raudhatus Sakinah

ABSTRACT

Social problems and misconduct among adolescents, particularly female adolescents, are increasingly alarming and necessitate effective intervention approaches. The Raudhatus Sakinah guidance centre in Rawang, Selangor, plays a

significant role in reshaping the character of young women through the tazkiyat al-nafs (purification of the soul) approach. This study aims to evaluate the effectiveness of the tazkiyat al-nafs approach in cultivating religious consciousness among the trainees at the centre. A quantitative research design was employed through face-to-face distribution of questionnaires to all 28 trainees enrolled in the full-time two-year guidance programme. The data were analysed using SPSS version 30.0. The findings indicate that the tazkiyat al-nafs approach positively impacts behavioural transformation and the internalisation of Islamic moral values among the trainees. However, these findings may be influenced by the centre's controlled environment and the trainees' tendency to provide socially desirable responses while under supervision. Therefore, a follow-up longitudinal study is recommended to assess the sustainability of the tazkiyat al-nafs practice once the trainees reintegrate into society.

Keywords: *Tazkiyat al-Nafs, Religious Consciousness, Behaviour, Raudhatul Sakinah*

Diterima: 2 Julai 2024

Disemak semula: 30 Ogos 2024

Diterima akhir: 12 Disember 2024

Diterbitkan: 31 Disember 2024

PENDAHULUAN

Fenomena salah laku dalam kalangan remaja di Malaysia semakin membimbangkan dan menjadi isu sosial yang berpanjangan. Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (2022) merekodkan sekitar 60,000 remaja terlibat dalam penyalahgunaan dadah, manakala 154,646 remaja dilaporkan telah terlibat dalam hubungan seksual luar nikah, dengan 75% daripada mereka masih aktif dalam aktiviti tersebut. Tambahan pula, peningkatan ketara dalam penggunaan e-rokok daripada 9.8% pada tahun 2017 kepada 14.9% pada tahun 2022 turut memberi gambaran tentang cabaran moral yang dihadapi oleh golongan ini. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa gejala sosial dalam kalangan remaja tidak hanya bersifat insiden terpencil, malah telah menjadi krisis nilai yang berakar umbi.

Sebagai respons terhadap situasi ini, pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) telah memperkenalkan intervensi pemulihan yang menyasarkan aspek kerohanian dan pembinaan sahsiah sebagai teras pemulihan. Salah satu inisiatif yang menonjol ialah penubuhan pusat pemulihan berasaskan nilai Islam seperti Raudhatul Sakinah di Rawang, Selangor. Sejak penubuhannya pada tahun 1998, pusat ini memberi tumpuan kepada pemulihan remaja wanita yang terlibat dalam salah laku melalui pendekatan holistik yang merangkumi elemen fizikal, mental dan spiritual. Program yang dilaksanakan menekankan aspek pengukuhan akidah,

pemantapan ibadah dan pembinaan akhlak mulia sebagai landasan transformasi diri.

Antara pendekatan utama yang digunakan di Raudhatus Sakinah ialah tazkiyat al-nafs, iaitu proses penyucian jiwa yang berasaskan prinsip Islam seperti muhasabah, taubat, sabar, dan muraqabah. Pendekatan ini bertujuan untuk membentuk keinsafan, meningkatkan kesedaran rohani serta melatih individu mengawal hawa nafsu ke arah pembinaan peribadi yang unggul. Kajian oleh Zainol et al. (2021) menekankan bahawa pendekatan tazkiyat al-nafs yang diperkenalkan oleh Sheikh Sa'id Hawwa, yang berasaskan metode Imam al-Ghazali, dapat diaplikasikan dalam pusat pemulihan wanita untuk membentuk akhlak mulia berdasarkan al-Quran dan sunnah.

Walaupun pendekatan tazkiyat al-nafs telah dibincangkan dalam wacana falsafah Islam dan pendidikan rohani, masih terdapat kekurangan kajian empirik yang menilai keberkesannya dalam konteks pemulihan remaja secara tersusun, khususnya di institusi pemulihan tempatan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program tazkiyat al-nafs yang dilaksanakan di Pusat Bimbingan Raudhatus Sakinah dalam membentuk penghayatan agama serta mempengaruhi perubahan tingkah laku positif dalam kalangan pelatih. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan terhadap pembangunan model intervensi berasaskan nilai Islam yang lebih berkesan dan menyeluruh dalam menangani krisis akhlak remaja.

TAZKIYAT AL-NAFS SEBAGAI KAEDAH PEMULIHAN

Tazkiyat al-nafs merupakan satu proses pembersihan dan pemulihan diri ke arah yang lebih baik menurut acuan Islam. Ia melibatkan pengamalan ilmu dengan melaksanakan perkara-perkara yang diperintahkan serta meninggalkan perkara-perkara yang dilarang oleh syariat. Menurut Abu Dardaa, Salasiah Hanin dan Ahmad Irdha (2022), konsep *tazkiyat al-nafs* adalah satu pendekatan berteraskan Islam dalam membentuk jati diri manusia yang baik. Manusia memiliki unsur-unsur kebaikan dan keburukan dalam dirinya, dan *tazkiyat al-nafs* berperanan sebagai panduan dalam mengawal serta menyeimbangkan dorongan dalaman agar tidak terjerumus dalam tingkah laku negatif. Menurut al-Quran, Allah SWT berfirman:

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ
مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan dan yang membawanya kepada bertaqwa (8) Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih – bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan) (9) Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih – itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat) (10).

(Surah al-Syams, 91: 8-10)

Menurut Imam al-Ghazali (2000) dalam Fariza, Salasiah & Mohd Jurairi (2023) *tazkiyat al-nafs* merupakan kaedah bagi membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela dan keangkuhan diri. Pergolakan antara keinginan nafsu dan kekuatan rohani sering kali menyebabkan jiwa menjadi kotor, justeru, proses penyucian jiwa perlu dilaksanakan secara berterusan. Al-Ghazali mengemukakan dua hakikat penyucian jiwa yang merangkumi semua aspek kebaikan dalam kehidupan seseorang demi mencapai keredaan Allah SWT. Hakikat pertama adalah membersihkan jiwa daripada sifat-sifat mazmumah, seperti hasad dengki, sombong, dan riak, agar penyakit hati dapat dihindari. Hakikat kedua ialah menghiasi jiwa dengan sifat-sifat mahmudah, seperti ikhlas, sabar, dan tawaduk, yang menjadi tunjang kepada keperibadian yang mulia. Kedua-dua hakikat ini perlu berjalan seiring kerana saling melengkapi antara satu sama lain dalam membentuk keseimbangan rohani dan jasmani individu.

Dalam konteks pemulihan remaja di pusat seperti Raudhatus Sakinah, *tazkiyat al-nafs* diterapkan melalui amalan ibadah, latihan disiplin diri, dan pembentukan akhlak (Raudatus Sakinah 2024). Proses ini dapat dilakukan dalam dua peringkat utama yang dikemukakan oleh al-Ghazali:

Mujahadah al-Nafs

Mujahadah al-nafs atau takhalli merujuk kepada usaha yang bersungguh-sungguh dalam melawan kehendak nafsu yang cenderung kepada kejahatan. Ia adalah kaedah yang berkesan dalam menghapuskan sifat-sifat mazmumah serta mengawal dorongan nafsu yang negatif. Dalam konteks pemulihan sosial, individu yang mengalami isu salah laku seperti penagihan dadah atau jenayah juvana boleh dibantu dengan memperkasakan mujahadah al-nafs. Antara pendekatan yang boleh digunakan ialah menggalakkan amalan

ibadah seperti berpuasa sunat, yang mampu mengawal keinginan serta mendidik jiwa untuk lebih bertakwa.

Riyadah al-Nafs

Peringkat seterusnya ialah riyadah al-nafs, yang merujuk kepada proses latihan jiwa secara beransur-ansur bagi membentuk keperibadian yang lebih baik. Al-Ghazali (2000) menyatakan bahawa riyadah al-nafs memerlukan disiplin dan kesabaran kerana ia melibatkan perubahan tabiat yang pada awalnya sukar, namun dengan konsistensi, ia akan menjadi lebih mudah diamalkan. Dalam konteks pemulihan diri, pendekatan ini boleh diterapkan melalui program-program kerohanian seperti solat taubat berjemaah sebelum tidur, yang bukan sahaja membantu membersihkan jiwa tetapi juga membentuk disiplin spiritual dalam kalangan individu yang sedang menjalani pemulihan.

Tazkiyat al-Nafs dilihat sebagai satu kaedah pemulihan yang berkesan. Nurul Wafiqah et al. (2023) mendapati bahawa pendekatan *tazkiyat al-nafs* merupakan kaedah yang relevan dalam menangani masalah sosial seperti penagihan dadah. Amalan zikir, yang menjadi sebahagian daripada *tazkiyat al-nafs*, terbukti membantu dalam penyucian jiwa serta memberi ketenangan kepada pelatih institusi pemulihan. Elemen ini juga membantu dalam pembentukan kualiti kerohanian yang lebih baik berdasarkan ajaran al-Quran dan Sunnah. Manakala, kajian Nadiea dan Salasiah (2017) menunjukkan bahawa pendekatan ini dapat membantu menguruskan emosi serta mengurangkan perasaan cemas, letih, dan kecewa dalam kalangan wanita postpartum. Elemen-elemen *tazkiyat al-nafs* seperti ibadah solat, doa, dan zikir memberikan ketenangan emosi serta membantu mereka mengembalikan keseimbangan rohani. Dalam kajian Khairul Hamimah et al. (2014) terhadap penghuni rumah perlindungan wanita yang terlibat dalam salah laku sosial, mereka mendapati bahawa penyatuan elemen spiritual dan agama sangat berkesan dalam memperbaiki akhlak serta mengurangkan tingkah laku delinkuen. Pendekatan ini berfungsi sebagai mekanisme kesedaran rohani yang mendorong individu untuk mengenali serta mengubah tingkah laku negatif kepada yang lebih positif.

Walaupun amalan kerohanian di pusat pemulihan memainkan peranan penting dalam membantu individu yang terlibat dalam masalah salah laku, ia tidak boleh dianggap sebagai satu-satunya jaminan untuk perubahan akhlak atau tingkah laku yang berterusan. Ini kerana, seperti yang dinyatakan dalam kajian yang dijalankan oleh Fitri Munawaroh et al. (2022) yang bertajuk Sorotan Karya Bersistematik Terhadap Pengulangan Kes Jenayah Dalam Kalangan Bekas Banduan di Malaysia, pengulangan kes jenayah berkaitan dadah adalah lebih kerap berlaku berbanding kes jenayah

sosial lain. Kajian ini menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti ketiadaan sokongan sosial yang kukuh, kurangnya kesedaran dan penglibatan komuniti, serta wujudnya konsep sendiri yang negatif atau gangguan emosi, turut memainkan peranan besar dalam menyebabkan berlakunya pengulangan kes jenayah tersebut. Walaupun telah menjalani tempoh penahanan dengan tujuan untuk mengubah dan membentuk semula jati diri mereka, masih terdapat segelintir bekas banduan yang gagal untuk keluar daripada kitaran kehidupan gelap yang mereka tinggalkan.

Dalam kajian yang bertajuk *Motivasi Pengulangan Kesalahan Dadah dan Ketidakinginan Berubah Gelandangan Bekas Banduan di Jalan Chow Kit* oleh Mohd Alif Jasni et. al. (2022) mendapati bahawa motivasi pengulangan kesalahan dadah dalam kalangan gelandangan bekas banduan disebabkan oleh beberapa faktor utama, iaitu pertama, ia dianggap sebagai pilihan peribadi atau kehendak bebas. Kedua, ia memberi keupayaan untuk mencapai keseronokan dan kepuasan dan ketiga, ia berfungsi sebagai strategi untuk menghindari perasaan negatif seperti kekecewaan, malu, sedih, dan marah. Di samping itu, perasaan ketidakinginan untuk berubah juga ditemukan berkait dengan empat perkara iaitu pertama, ketiadaan keupayaan untuk keluar dari kehidupan di jalanan. Kedua, rasa selesa dalam keadaan tersebut. Ketiga, perasaan kekecewaan dan putus asa dan keempat, kurangnya pertimbangan dalam membuat keputusan. Kesemua dapatan ini memberi gambaran bahawa pemilihan untuk kembali terjerumus dalam penyalahgunaan dadah adalah berulang dalam kalangan gelandangan bekas banduan. Oleh itu, walaupun *tazkiyat al-nafs* terbukti berkesan dalam pembentukan peribadi semasa di pusat pemulihan, ia perlu disokong dengan mekanisme pemantauan dan pengukuhan selepas seseorang individu keluar dari pusat tersebut.

Secara keseluruhannya, pengisian elemen *tazkiyat al-nafs* dalam program pemulihan jelas sangat efektif dalam meningkatkan kualiti kerohanian individu dalam membina sahsiah positif seseorang ketika berada di pusat pemulihan. Tambahan lagi, *tazkiyat al-nafs* bukan sahaja dapat memulihkan jiwa daripada perkara yang berunsurkan negatif atau masalah sosial tetapi juga membentuk tingkah laku positif dalam kehidupan seharian individu. Walaupun begitu, pengulangan masalah salah laku masih boleh berlaku apabila di luar kawalan dan pantauan pihak pusat pemulihan.

TAZKIYAT AL-NAFS DI RAUDHATUS SAKINAH

Raudhatus Sakinah berperanan dalam pemulihan kerohanian dan pembentukan tingkah laku positif bagi remaja atau belia yang terlibat dalam masalah sosial dan salah laku. Pendekatan *tazkiyat al-nafs* yang diterapkan

di pusat ini memainkan peranan penting dalam proses pemulihan pelatih, dengan memberi penekanan kepada penyucian jiwa melalui penghayatan agama dan amalan keagamaan yang mampu memperbetulkan tingkah laku serta mengukuhkan keimanan mereka. Program pemulihan yang dilaksanakan tidak hanya memberi tumpuan kepada perubahan luaran, tetapi turut menekankan aspek dalaman individu, iaitu pembersihan jiwa bagi membentuk sahsiah yang lebih baik. Pendekatan *tazkiyat al-nafs* di Raudhatus Sakinah dilaksanakan melalui lima pendekatan yang disusun secara sistematik. Ia meliputi Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA), rutin ibadah harian, sesi muhasabah diri, dan pendidikan asas Rukun Iman dan Rukun Islam.

Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA)

PAFA menekankan pemahaman dan pengamalan asas *fardu ain*, merangkumi solat, pembacaan al-Quran, pemahaman fikah, akhlak, dan tauhid. Pendekatan ini amat signifikan dalam konteks pemulihan kerana pelatih pusat ini berasal daripada latar belakang yang pelbagai dengan tahap kefahaman agama yang berbeza-beza. Oleh itu, PAFA tidak hanya berfokus pada aspek teoretikal tetapi juga menitikberatkan aplikasi praktikal bagi memastikan pelatih memperoleh kefahaman yang lebih mendalam serta mampu mengamalkan ajaran Islam secara konsisten. Dalam pelaksanaan program ini, pelatih dibimbing untuk menunaikan solat secara sempurna, membaca al-Quran dengan tajwid yang tepat, serta memahami prinsip-prinsip fikah dan tauhid yang menjadi asas kepada akidah dan amalan seorang Muslim. Penekanan terhadap amalan yang sah benar sahaja berfungsi sebagai instrumen dalam membentuk disiplin rohani, malah berperanan sebagai elemen utama dalam mencapai ketenangan batin serta memperkukuh akhlak yang terpuji. Dengan demikian, PAFA dilaksanakan sebagai mekanisme fundamental dalam usaha membina asas agama yang kukuh sebagai teras utama kepada proses penyucian jiwa dan pembentukan sahsiah dalam kalangan pelatih.

Amalan Ibadah dalam Kehidupan Harian

Program *tazkiyat al-nafs* di pusat ini juga mengaplikasikan rutin ibadah harian, mingguan, dan bulanan sebagai mekanisme untuk memperkukuh penghayatan agama dalam kalangan pelatih. Antara amalan yang diterapkan termasuklah:

- Solat Dhuha – Diamalkan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah atas rezeki yang dikurniakan.

- Solat Rawatib – Meningkatkan konsistensi pelatih dalam menunaikan solat wajib.
- Qiamullail – Melatih pelatih untuk mendekatkan diri kepada Allah dalam suasana yang tenang dan jauh daripada gangguan duniawi.

Dengan mendisiplinkan diri untuk mendirikan solat sunat secara berterusan, pelatih berupaya menjadikan ibadah sebagai sebahagian daripada gaya hidup mereka. Amalan ini turut membantu memperkuat spiritual serta mendidik mereka agar lebih bersabar dan istiqamah dalam menjalani kehidupan.

Sesi Muhasabah Diri

Di Raudhatus Sakinah, slot *muhasabah diri* dikendalikan secara berkala oleh warden dan pengurus pusat dengan matlamat memberi ruang kepada pelatih untuk menilai kembali tindakan mereka serta menyedari kesilapan yang telah dilakukan. Proses ini bukan sahaja berperanan sebagai mekanisme keinsafan dan taubat, tetapi juga sebagai medium pengukuhan azam dalam usaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik. Melalui refleksi sendiri yang jujur dan mendalam, pelatih dididik untuk mengenali kelemahan diri serta memahami bahawa perubahan memerlukan usaha yang konsisten dan komitmen terhadap ajaran Islam. Pendekatan ini membantu membentuk kesedaran rohani yang lebih mendalam, seterusnya mendorong pelatih untuk membangunkan disiplin diri dan nilai moral yang lebih tinggi dalam kehidupan seharian mereka.

Penekanan asas Rukun Iman dan Rukun Islam

Di Raudhatus Sakinah, pendidikan Rukun Iman dan Rukun Islam diberi penekanan sebagai asas dalam memperkuat keimanan serta pegangan hidup pelatih. Rukun Iman, yang merangkumi kepercayaan kepada Allah, malaikat, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari kiamat, serta qada' dan qadar, menjadi tunjang utama dalam pembentukan akidah yang kukuh. Pemahaman yang mendalam terhadap konsep keimanan ini membantu pelatih menyedari kepentingan ketaatan kepada Allah serta menghindari perkara-perkara yang dilarang oleh syariat. Sementara itu, Rukun Islam menekankan aspek amalan, termasuk solat, puasa, zakat, dan haji, yang bertujuan melatih pelatih mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh dan berdisiplin. Selain itu, pendidikan akhlak turut diberikan perhatian khusus kerana ia memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian serta kesedaran sosial pelatih. Dengan penghayatan yang jelas terhadap asas agama ini, pelatih akan lebih cenderung untuk menghormati prinsip-prinsip

Islam dan menerapkannya dalam kehidupan seharian, seterusnya membentuk jati diri Muslim yang lebih baik.

Pendekatan Holistik dalam Pemulihan Kerohanian

Raudhatus Sakinah mengamalkan pendekatan holistik dalam program *tazkiyat al-nafs* dengan mengintegrasikan pendidikan agama, amalan rohani, muhasabah diri, dan penyucian jiwa bagi mencapai pemulihan yang menyeluruh. Pendekatan ini bukan sekadar menekankan penghayatan agama, tetapi turut berperanan dalam membentuk hubungan yang lebih harmoni antara pelatih dengan diri sendiri, masyarakat, dan Allah SWT. Melalui pengisian program yang komprehensif, pelatih bukan sahaja berupaya memperbaiki akhlak dan tingkah laku, malah dapat membina ketahanan spiritual dan moral yang lebih kukuh. Pendekatan ini sekaligus mempersiapkan mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih bermakna di dunia serta memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan di akhirat.

Secara keseluruhannya, pendekatan *tazkiyat al-nafs* yang dilaksanakan di Raudhatus Sakinah merupakan model terbaik dalam menunjukkan bagaimana pendidikan agama yang menyeluruh, apabila digabungkan dengan amalan rohani dan refleksi sendiri, dapat berperanan secara efektif dalam pemulihan kerohanian dan pembentukan akhlak pelatih. Melalui penyusunan program yang berfokus kepada penghayatan agama dan penyucian jiwa, Raudhatus Sakinah bukan sahaja berjaya melahirkan individu yang lebih berdisiplin dan berakhlak mulia, malah turut menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih bertamadun. Dalam ekosistem ini, nilai-nilai agama dan moral menjadi asas utama dalam kehidupan seharian, sekali gus membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab, berintegriti, serta memiliki kesedaran spiritual yang tinggi.

RAUDHATUS SAKINAH

Raudhatus Sakinah merupakan sebuah pusat bimbingan dan pemulihan yang memainkan peranan penting dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja perempuan di Malaysia. Ditubuhkan pada April 1998, pusat ini telah beroperasi selama hampir 27 tahun dan kini diiktiraf sebagai salah satu institusi pemulihan di bawah naungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Dengan pengalaman luas dalam bidang pemulihan sosial, Raudhatus Sakinah telah membina reputasi sebagai institusi yang komited dalam menangani isu salah laku remaja perempuan, khususnya mereka yang terjebak dalam pelbagai bentuk permasalahan sosial. Pusat ini berperanan sebagai tempat perlindungan, pendidikan, dan bimbingan bagi remaja

perempuan yang memerlukan sokongan untuk membina semula kehidupan mereka. Menurut Nur Baidura binti Baharudin (2024), Pengurus Operasi Raudhatus Sakinah, objektif utama penubuhan pusat ini adalah untuk membantu golongan ini memahami dan menghayati Islam sebagai cara hidup, agar mereka dapat keluar daripada kancah permasalahan yang dihadapi serta membina masa depan yang lebih baik.

Antara matlamat utama pusat ini adalah:

1. Menghayati Islam sebagai cara hidup – Memberikan pendidikan agama yang mendalam dengan menekankan pembentukan akhlak dan keperibadian yang berlandaskan prinsip Islam.
2. Membina semula keyakinan diri – Membantu remaja yang terjebak dalam masalah sosial untuk memulihkan harga diri mereka yang mungkin terjejas akibat pengalaman hidup yang mencabar.
3. Menjalani kehidupan yang sihat dan produktif – Memberikan peluang kepada remaja untuk membentuk kehidupan yang lebih baik melalui aspek kerohanian, sosial, dan pendidikan yang bermanfaat dalam jangka panjang.

Raudhatus Sakinah bukan sekadar pusat perlindungan, tetapi juga berfungsi sebagai platform pemulihan yang membimbing remaja kembali ke pangkal jalan, mengubah sikap dan tingkah laku mereka, serta memberi mereka peluang untuk mencapai potensi sebenar dalam kehidupan. Pusat ini menyasarkan remaja perempuan Islam berusia antara 12 hingga 23 tahun. Had umur ini selari dengan tempoh bimbingan yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), iaitu selama dua tahun. Dalam tempoh ini, pelatih menjalani bimbingan dan pembinaan keperibadian secara menyeluruh bagi memastikan mereka memperoleh pemulihan yang berkesan sebelum kembali ke dalam masyarakat. Kategori pelatih yang diterima di Raudhatus Sakinah meliputi mereka yang terlibat dalam pelbagai masalah sosial seperti:

- Penyalahgunaan vape dan arak
- Penglibatan dalam gengsterisme
- Kesalahan berkaitan akhlak dan pergaulan bebas
- Kehamilan luar nikah atau hubungan sosial yang tidak sihat

Program pemulihan di Raudhatus Sakinah disusun secara berstruktur dan sistematik melalui gabungan pendidikan agama, latihan kemahiran, dan terapi psikologi. Menurut Fatin Nur Imra Azwa (2024) yang merupakan warden di pusat ini, pendekatan ini bertujuan untuk memastikan

pelatih menerima pemulihan secara holistik dari sudut kerohanian, mental, emosi, dan sosial. Penekanan diberikan kepada penghayatan agama melalui amalan berikut:

- Solat berjemaah dan solat sunat (Dhuha, Qiamullail, Rawatib)
- Pembacaan dan penghafalan al-Quran dengan bimbingan tajwid yang betul
- Amalan zikir dan muhasabah diri
- Pendidikan Fardu Ain merangkumi fiqh, akhlak, dan tauhid

Melalui pendekatan ini, pelatih dididik untuk membentuk disiplin diri, memperkukuh iman, dan memahami tanggungjawab mereka sebagai Muslimah. Selain pendidikan agama, pelatih juga diberikan latihan kemahiran bagi membantu mereka berdikari setelah keluar daripada pusat pemulihan. Program ini merangkumi:

- Kemahiran asas kehidupan seperti memasak, menjahit, dan kraf tangan
- Pembangunan potensi diri melalui bengkel motivasi dan sesi kepimpinan
- Kemahiran komunikasi bagi membantu mereka berinteraksi dengan masyarakat secara lebih positif

Dengan latihan ini, pelatih dididik untuk menggunakan kemahiran yang diperoleh sebagai persediaan untuk masa depan, termasuk peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih stabil.

Raudhatus Sakinah turut menawarkan kaunseling dan terapi psikologi bagi membantu pelatih dalam mengatasi trauma, membina semula keyakinan diri, dan menguruskan emosi. Sesi ini dikendalikan oleh kaunselor bertauliah yang memberi fokus kepada aspek seperti:

- Pemulihan kesihatan mental dan kestabilan emosi
- Kaunseling individu dan berkumpulan untuk mengatasi tekanan hidup
- Latihan pengurusan emosi agar pelatih dapat membuat keputusan yang lebih baik dalam kehidupan mereka

Pendekatan ini sangat penting bagi memastikan remaja dapat keluar daripada lingkaran negatif kehidupan lalu dan bersedia untuk menghadapi cabaran baharu.

Raudhatus Sakinah sangat relevan dalam menangani masalah sosial remaja di Malaysia, khususnya di negeri Selangor yang mencatat kadar salah laku remaja yang tinggi. Ia menawarkan alternatif positif dengan menyediakan bimbingan agama dan sosial yang bersesuaian dengan

keperluan remaja dalam persekitaran yang terkawal dan selamat. Sejak penubuhannya, Raudhatus Sakinah telah berjaya membimbing ramai remaja yang sebelum ini terjebak dalam masalah sosial untuk kembali ke pangkal jalan. Keberkesanan pusat ini dapat dilihat melalui perubahan tingkah laku dan akhlak pelatih yang telah:

- Memahami dan menghayati Islam sebagai pedoman hidup
- Memperbaiki akhlak dan disiplin diri
- Mengamalkan nilai-nilai kehidupan bermasyarakat yang lebih baik

Dengan sokongan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Raudhatus Sakinah terus berperanan sebagai pusat pemulihan yang dihormati dalam bidang pemulihan kerohanian dan pembentukan akhlak di Malaysia. Raudhatus Sakinah bukan sekadar tempat perlindungan, tetapi merupakan pusat pemulihan yang komprehensif yang menggabungkan pendidikan agama, latihan kemahiran, dan terapi psikologi. Dengan bimbingan berasaskan ajaran Islam dan pendekatan holistik, pusat ini memberi peluang kepada pelatih untuk membina semula kehidupan mereka serta menjadi anggota masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan berakhlak mulia. Keberkesanan Raudhatus Sakinah dalam mendidik dan membimbing remaja perempuan membuktikan bahawa pendekatan Islam dalam pemulihan sosial mampu menghasilkan perubahan yang positif dan berkekalan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif bagi menilai tahap pengamalan tazkiyat al-nafs dan kesannya terhadap penghayatan agama serta tingkah laku pelatih di Raudhatus Sakinah. Reka bentuk ini dipilih bagi membolehkan pengumpulan data secara terstruktur dan penganalisan pola amalan spiritual serta perubahan sikap secara statistik dalam kalangan responden. Populasi kajian terdiri daripada semua pelatih yang sedang mengikuti program pemulihan di Pusat Bimbingan Raudhatus Sakinah, Rawang, Selangor. Seramai 28 orang pelatih telah terlibat sebagai responden kajian, melibatkan mereka yang menjalani program pemulihan secara sepenuh masa selama dua tahun. Pemilihan secara keseluruhan (total sampling) digunakan memandangkan jumlah populasi yang kecil dan terkawal, sesuai dengan tujuan kajian deskriptif yang ingin menggambarkan realiti dalam populasi tersebut secara menyeluruh.

- Bahagian A: Maklumat demografi
- Bahagian B: Tahap pengamalan *tazkiyat al-nafs* (10 item)
- Bahagian C: Kesan pengamalan terhadap tingkah laku (10 item)

Setiap item menggunakan skala Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju). Soal selidik ini telah melalui proses semakan pakar melibatkan dua orang pensyarah dalam bidang dakwah dan pendidikan Islam bagi menilai kesesuaian isi kandungan dan konstruk. Instrumen kajian diuji bagi menentukan kebolehpercayaannya (reliability) melalui ujian Cronbach's Alpha. Nilai keseluruhan bagi item Bahagian B dan Bahagian C masing-masing mencatatkan skor 0.86 dan 0.88, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan konsisten (Hair et al., 2014). Pengumpulan data dijalankan secara bersemuka oleh penyelidik dengan kerjasama pihak pengurusan pusat. Setiap responden diberi taklimat ringkas dan diberikan jaminan kerahsiaan serta persetujuan dimaklumkan (informed consent) sebelum pengisian soal selidik dijalankan. Proses ini dilakukan dalam suasana yang terkawal bagi mengelakkan pengaruh luaran semasa memberikan jawapan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Perisian SPSS versi 30.0. Teknik analisis yang digunakan ialah statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan min bagi mengenal pasti pola amalan *tazkiyat al-nafs* dan kesannya terhadap perubahan tingkah laku. Dapatan dianalisis berdasarkan interpretasi skala Likert secara berperingkat, bagi menilai tahap keberkesanan amalan tersebut dalam kalangan pelatih.

HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

Seramai 28 orang pelatih telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Perincian demografi responden seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Taburan Demografi Pelatih

Item	Demografi	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Kumpulan Umur	14 tahun	2	7.1
	15 tahun	5	17.9
	16 tahun	6	21.4
	17 tahun	7	25.0
	18 tahun	4	14.3
	19 tahun	2	7.1
	23 tahun	1	3.6
	25 tahun	1	3.6
Tahap Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda	1	3.6
	Diploma	1	3.6

		STPM/STAM	0	0
		SPM	6	21.4
		PMR/PT3	11	39.3
		UPSR	5	17.9
		Lain-lain	4	14.3
Tahap Pendidikan Agama		Sijil Menengah Agama (SMA)	5	17.9
		Kelas Agama Fardu Ain KAFA	6	0
		Tiada	17	9.1
Status Ibu Bapa		Masih Bersama	13	46.4
		Telah Bercerai	14	50.00
		Kematian Ibu	0	0
		Kematian Bapa	1	3.6
		Kematian Ibu Bapa	0	0
Tempat Tinggal		Bandar	21	75.0
		Luar Bandar	7	25.0
Tahun Kemasukan Pusat		2022	1	3.6
		2023	13	46.4
		2024	14	50.0

Sumber: Soal selidik (2024)

Dari aspek umur, majoriti pelatih berada dalam lingkungan 14 hingga 18 tahun, dengan bilangan tertinggi berumur 17 tahun (25.0%) diikuti oleh 16 tahun (21.4%). Terdapat juga pelatih yang lebih dewasa, iaitu berusia 23 dan 25 tahun. Kepelbagaian umur ini menggambarkan bahawa Raudhatus Sakinah bukan hanya menumpukan kepada golongan remaja awal, malah berperanan sebagai pusat pemulihan untuk remaja pelbagai peringkat umur yang memerlukan bimbingan. Dari sudut latar belakang pendidikan, didapati bahawa majoriti pelatih memiliki tahap pendidikan menengah rendah. Seramai 11 orang (39.3%) mempunyai latar belakang Penilaian Menengah Rendah (PMR/PT3), manakala 6 orang (21.4%) mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hanya dua orang sahaja yang memiliki kelulusan tertinggi iaitu Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Data ini memberi gambaran bahawa sebahagian besar pelatih menghadapi kesukaran meneruskan pendidikan ke peringkat lebih tinggi, kemungkinan disebabkan oleh faktor sosial atau persekitaran yang tidak kondusif.

Bagi aspek pendidikan agama, wujud jurang ketara yang menunjukkan kekurangan pendedahan kepada pendidikan Islam secara formal. Seramai 17 orang (60.7%) tidak mempunyai latar belakang pendidikan agama yang jelas, manakala hanya 5 orang (17.9%) memiliki Sijil Menengah Agama (SMA) dan 6 orang (21.4%) pernah mengikuti Kelas Asas Fardu Ain (KAFA). Keadaan ini menunjukkan kepentingan untuk memperkukuh program pendidikan agama di pusat ini agar dapat memenuhi

keperluan rohani dan moral pelatih secara berkesan. Dari segi struktur keluarga, didapati bahawa seramai 14 orang pelatih (50.0%) berasal daripada keluarga yang telah bercerai, manakala 13 orang (46.4%) mempunyai ibu bapa yang masih bersama. Hanya seorang pelatih (3.6%) kehilangan bapa. Keputusan ini menunjukkan bahawa latar belakang keluarga yang tidak stabil merupakan faktor signifikan yang membawa kepada keterlibatan remaja dalam salah laku. Oleh itu, pendekatan pemulihan yang bersifat menyeluruh perlu merangkumi intervensi psikososial dan sokongan emosi.

Dalam konteks tempat tinggal, majoriti pelatih berasal dari kawasan bandar (75.0%), manakala selebihnya dari luar bandar (25.0%). Ini mencerminkan keperluan intervensi sokongan yang lebih kukuh di kawasan bandar yang lebih terdedah kepada isu-isu sosial seperti tekanan ekonomi, ketidakseimbangan nilai dan pergaulan bebas. Akhir sekali, dari aspek tahun kemasukan, peningkatan kemasukan pelatih ke Raudhatus Sakinah dilihat konsisten dari tahun ke tahun, dengan hanya seorang pelatih pada tahun 2022 (3.6%), meningkat kepada 13 orang (46.4%) pada tahun 2023 dan 14 orang (50.0%) pada tahun 2024. Trend ini menunjukkan peningkatan kesedaran dan keperluan terhadap perkhidmatan bimbingan dan pemulihan berasaskan nilai Islam. Secara keseluruhannya, kebanyakan pelatih di Raudhatus Sakinah terdiri daripada golongan remaja dan belia yang berasal daripada keluarga yang tidak stabil, mempunyai latar belakang pendidikan rendah serta kurang pendedahan kepada pendidikan agama.

Pelaksanaan *Tazkiyat al-Nafs* di Raudhatus Sakinah

Bahagian ini menjelaskan pelaksanaan *tazkiyat al-nafs* di Raudhatus Sakinah. Terdapat 10 item yang dibina berdasarkan objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti pengamalan *tazkiyat al-nafs* yang dilaksanakan di Raudhatus Sakinah. Jadual 2 memperincikan taburan min, peratusan dan kekerapan bagi setiap item berkaitan amalan tersebut.

Jadual 2: Taburan Min, Peratus dan Kekerapan Pengamalan
Tazkiyat al-Nafs

Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Saya mendirikan solat 5 waktu sehari sebagai latihan kepada diri saya agar tidak mengulangi kesalahan yang sama.				6 21.4%	22 78.6%	4.79
2.	Saya mengamalkan puasa sunat sebagai benteng kepada diri daripada melakukan perkara yang tidak baik.				13 46.4%	15 53.6%	4.54

3.	Saya sentiasa bermuhasabah diri bagi perbuatan yang saya lakukan dalam kehidupan seharian sama ada disukai Allah atau tidak.	14 50.0%	14 50.0%	4.50	
4.	Saya membaca al-Quran setiap hari agar masa saya terisi dengan perkara yang baik.	1 3.6%	11 39.3%	16 57.1%	4.54
5.	Saya menghayati terjemahan atau maksud ayat al-Quran supaya saya sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara.	3 10.7%	20 71.4%	5 17.9%	4.07
6.	Saya bertaubat dan menyesal dengan kesalahan yang saya telah lakukan.		5 17.9%	23 82.1%	4.82
7.	Saya bersyukur terhadap segala nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT.		8 28.6%	20 71.4%	4.71
8.	Saya menerima dugaan yang saya sedang lalui ini dengan sabar.	3 10.7%	15 53.6%	10 35.7%	4.25
9.	Saya melakukan qiamullail untuk mendapatkan ketenangan hati.	1 3.6%	7 25.0%	20 71.4%	4.68
10.	Saya sentiasa berdoa memohon keampunan Allah agar diberikan peluang kepada saya memperbaiki diri menjadi orang yang lebih baik.		3 10.7%	25 89.3%	4.89

Sumber: Soal selidik (2024)

Secara keseluruhan, skor min yang dicatatkan adalah tinggi, iaitu dalam lingkungan 4.07 hingga 4.89, menunjukkan tahap pengamalan *tazkiyat al-nafs* yang memberangsangkan dalam kalangan pelatih. Item yang merekodkan min tertinggi ialah amalan berdoa memohon keampunan Allah (min = 4.89), diikuti dengan solat lima waktu sehari (min = 4.79) dan bertaubat atas kesalahan lalu (min = 4.82). Dapatan ini menunjukkan bahawa amalan yang melibatkan hubungan langsung dengan Allah SWT mendapat perhatian dan keutamaan dalam kalangan pelatih. Kajian oleh Nurul Wafiqah et al. (2023) turut mendapati bahawa amalan-amalan ibadah seperti solat, doa, dan zikir berperanan sebagai asas pemulihan spiritual dalam institusi pemulihan Islam di Malaysia. Selain itu, pelatih juga menunjukkan penglibatan tinggi dalam amalan qiamullail (min = 4.68), kesyukuran atas nikmat (min = 4.71), dan puasa sunat (min = 4.54). Ini mencerminkan bahawa pendekatan spiritual dalam program pemulihan ini telah berjaya menanam nilai *taqarrub ila Allah* (pendekatan diri kepada Allah), sebagaimana yang disarankan oleh al-Ghazali dalam kerangka *riyadah al-nafs* dan *mujahadah al-nafs* (Al-Ghazali, 2000; Fariza et al., 2023). Amalan muhasabah diri (min = 4.50) juga mencerminkan wujudnya kesedaran rohani dan refleksi sendiri dalam kalangan pelatih, selaras dengan dapatan Abu Dardaa et al. (2022) yang menekankan kepentingan elemen muhasabah dalam pembangunan spiritual remaja.

Namun begitu, terdapat dua item yang mencatatkan skor min yang lebih rendah berbanding yang lain, iaitu penghayatan terjemahan al-Quran (min = 4.07) dan kesabaran dalam menerima dugaan (min = 4.25). Keputusan ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuh aspek pemahaman kandungan al-Quran dan pengurusan emosi dalam kalangan pelatih. Menurut Khairul Hamimah et al. (2014), pelaksanaan sesi *tadabbur* dan pemahaman kontekstual ayat-ayat al-Quran secara berstruktur membantu meningkatkan penghayatan rohani dalam kalangan remaja yang terlibat dengan salah laku. Oleh itu, pendekatan seperti pengajian tafsir, latihan pengurusan emosi berlandaskan nilai Islam, dan program *healing spiritually* boleh diperkenalkan sebagai komponen tambahan dalam modul bimbingan. Kehidupan berasrama yang terstruktur dan sistematik di Raudhatus Sakinah telah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pengamalan *tazkiyat al-nafs*. Kehadiran fasilitator rohani dan bimbingan ibadah yang konsisten telah memainkan peranan penting dalam membentuk disiplin kerohanian pelatih. Selain itu, faktor sokongan sosial sesama pelatih turut menggalakkan amalan ibadah berjemaah dan budaya saling memperingati (*collective religious coping*), sebagaimana yang turut dinyatakan oleh Mohd Alif et al. (2022) dalam konteks pemulihan banduan wanita.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan pemulihan berteraskan *tazkiyat al-nafs* telah berjaya membentuk kesedaran keagamaan dan pengamalan ibadah yang mantap dalam kalangan pelatih. Walau bagaimanapun, bagi memastikan kesinambungan amalan ini selepas tamat tempoh pemulihan, adalah penting untuk merangka strategi sokongan pasca pemulihan seperti sistem mentor, jaringan komuniti penyokong, dan penglibatan keluarga secara aktif. Ini bertepatan dengan cadangan Fitri Munawaroh et al. (2022) yang menekankan keperluan pendekatan bersepadu dalam mencegah pengulangan salah laku dalam kalangan bekas pelatih institusi pemulihan.

Kesan Pengamalan *Tazkiyat Al-Nafs* Terhadap Tingkah Laku Remaja Di Raudhatus Sakinah

Bahagian ini pula menjelaskan kesan pengamalan *tazkiyat al-nafs* terhadap tingkah laku remaja di Raudhatus Sakinah. Sebanyak sepuluh item soal selidik telah dibina berdasarkan objektif kajian untuk menilai kesan pengamalan *tazkiyat al-nafs* terhadap perubahan tingkah laku pelatih di Raudhatus Sakinah. Jadual 3 memperincikan skor min, peratusan dan kekerapan bagi setiap item yang berkaitan.

Jadual 3: Taburan Min, Peratus dan Kekerapan Kesan Pengamalan
Tazkiyat Al-Nafs Terhadap Tingkah Laku Remaja

Bil	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Saya berasa tenang apabila dapat melakukan kebaikan dalam setiap hari.			1 3.6%	9 32.1%	18 64.3%	4.61
2.	Saya dapat berfikir dengan baik dan positif apabila menghadapi sesuatu perkara walaupun ia tidak seperti yang saya mahukan.			7 25.0%	15 53.6%	6 21.4%	3.96
3.	Saya dapat bersabar dengan baik dalam melakukan ibadah walaupun ia terasa berat.			1 3.6%	8 28.6%	18 64.3%	4.63
4.	Saya kini lebih cintakan kebaikan selepas melakukan <i>tazkiyat al-nafs</i> .			1 3.6%	13 46.4%	14 50.0%	4.46
5.	Amalan <i>tazkiyat al-nafs</i> menjadikan saya sentiasa bersyukur dapat berada di sini dan memperbaiki diri.			2 7.1%	9 32.1%	17 60.7%	4.54
6.	Saya redha ditempatkan disini kerana saya dapat mendekatkan diri dengan Allah.			1 3.6%	6 21.4%	20 71.4%	4.70
7.	Amalan <i>tazkiyat al-nafs</i> menjadikan saya lebih yakin dengan Allah SWT.			1 3.6%	7 25.0%	20 71.4%	4.68
8.	Saya pernah berasa bangga dengan kesalahan yang saya lakukan ketika dahulu namun kini saya telah menyesalinya.		1 3.6%	1 3.6%	8 28.6%	18 64.3%	4.54
9.	Saya pernah berasa marah apabila orang menegur kesalahan saya namun kini saya memahami bahawa teguran itu sebagai tanda prihatin.	1 3.6%		1 3.6%	6 21.4%	20 71.4%	4.57
10.	Amalan <i>tazkiyat al-nafs</i> berjaya membuang sifat buruk pada diri saya.			1 3.6%	13 46.4%	14 50.0%	4.46

Sumber: Soal selidik (2024)

Secara umum, skor min bagi kesemua item berada dalam julat tinggi (3.96 hingga 4.70), menunjukkan bahawa pengamalan *tazkiyat al-nafs* memberikan impak yang signifikan terhadap pembentukan tingkah laku positif dalam kalangan pelatih. Antara kesan yang paling menonjol ialah peningkatan rasa redha (min = 4.70), keyakinan kepada Allah SWT (min = 4.68), ketenangan dalam melakukan kebaikan (min = 4.61), serta kesabaran dalam ibadah (min = 4.63). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelatih mengalami transformasi spiritual dan emosi hasil daripada pengamalan yang berterusan. Kajian oleh Nurul Wafiqah et al. (2023) membuktikan bahawa pendekatan rohaniah dalam institusi pemulihan dapat memperkuat keseimbangan psikospiritual individu, termasuk dalam aspek pengendalian emosi dan penerimaan diri. Sementara itu, Hamid et al. (2021) turut

menekankan bahawa amalan seperti muhasabah, taubat dan doa membantu dalam membina kesedaran diri serta mengurangkan kebanggaan terhadap kesilapan lalu, selari dengan dapatan kajian ini (min = 4.54 untuk item penyesalan terhadap kesalahan lalu).

Namun begitu, skor min paling rendah dicatatkan pada item pemikiran positif semasa menghadapi cabaran (min = 3.96). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun kesedaran dan penghayatan agama tinggi, keupayaan mengurus tekanan dan konflik kehidupan luar masih belum mantap. Ini selaras dengan dapatan Mohd Alif et al. (2022), yang menyatakan bahawa sebahagian bekas penghuni institusi pemulihan kembali mengulangi kesilapan disebabkan ketiadaan mekanisme sokongan luaran serta ketidakmampuan menghadapi cabaran pasca pemulihan. Tambahan pula, kemungkinan berlakunya bias sosial dalam respons pelatih tidak boleh diketepikan. Persekitaran pusat yang terkawal, penjadualan aktiviti yang tersusun, serta kehadiran fasilitator secara konsisten boleh mempengaruhi kecenderungan responden untuk memberikan jawapan yang bersifat positif. Kajian Fitri Munawaroh et al. (2022) turut menyatakan bahawa suasana institusi yang tertutup sering kali menghasilkan dapatan yang menggambarkan keberkesanan jangka pendek, tetapi kurang tepat untuk meramalkan keberhasilan jangka panjang tanpa penilaian susulan.

Dalam konteks ini, pendekatan *tazkiyat al-nafs* dilihat berjaya membentuk asas perubahan sikap dan moral semasa pelatih berada dalam program. Namun, keberkesanan sebenar program ini perlu diuji dalam konteks luar pusat, iaitu apabila pelatih kembali ke masyarakat sebenar yang lebih mencabar dan kurang terkawal. Oleh itu, disarankan agar kajian longitudinal dijalankan bagi menilai kesinambungan amalan *tazkiyat al-nafs* dan daya tahan perubahan tingkah laku selepas tamat tempoh bimbingan. Antara cadangan strategik yang wajar dipertimbangkan termasuk:

- Sistem sokongan pasca pemulihan (aftercare) berbentuk mentor komuniti dan keluarga angkat rohani.
- Modul latihan pengurusan emosi berasaskan prinsip Islam.
- Sesi pengukuhan motivasi spiritual berkala secara dalam talian.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mengukuhkan bahawa pendekatan kerohanian melalui *tazkiyat al-nafs* berkesan dalam membentuk asas transformasi diri, namun perlu disokong dengan mekanisme susulan untuk menjamin perubahan yang konsisten.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa program *tazkiyat al-nafs* yang dilaksanakan di Raudhatul Sakinah berkesan dalam meningkatkan penghayatan agama dan membentuk tingkah laku positif dalam kalangan pelatih. Skor min yang tinggi dalam aspek seperti

kesabaran, rasa syukur, keyakinan kepada Allah SWT, serta kecenderungan untuk melakukan kebaikan mencerminkan keberhasilan program dalam memupuk nilai-nilai spiritual yang mendalam dan berterusan. Keberkesanan ini turut disokong oleh persekitaran pembelajaran yang terkawal, bimbingan rohani secara konsisten daripada fasilitator, serta sokongan sosial yang wujud dalam kalangan komuniti pelatih. Ketiga-tiga faktor ini membentuk ekosistem pemulihan yang kondusif dan berasaskan nilai Islam yang menyeluruh.

Namun begitu, terdapat beberapa ruang penambahbaikan yang perlu diberi perhatian, khususnya dalam aspek penghayatan terjemahan al-Quran dan pembentukan pemikiran positif ketika menghadapi cabaran. Aspek-aspek ini memerlukan pendekatan bimbingan yang lebih mendalam dan bersifat reflektif, seperti pengajian *tadabbur al-Quran*, terapi psikospiritual, serta latihan pengurusan emosi berlandaskan prinsip kerohanian Islam.

Selain itu, skor min yang tinggi juga perlu ditafsir secara kritikal kerana ia mungkin dipengaruhi oleh faktor persekitaran terkawal dan kecenderungan sosial untuk memberikan respons positif semasa berada dalam institusi pemulihan. Oleh itu, kajian susulan secara longitudinal sangat diperlukan untuk menilai sama ada nilai-nilai dan amalan yang dipupuk melalui program *tazkiyat al-nafs* dapat dikekalkan apabila pelatih kembali ke masyarakat yang lebih terbuka dan mencabar. Bagi memastikan kesinambungan keberkesanan program ini, tiga cadangan strategik wajar dipertimbangkan iaitu Mewujudkan program sokongan pasca pemulihan, termasuk sistem mentor, kumpulan sokongan komuniti dan pemantauan berterusan. Menggalakkan penglibatan aktif keluarga dan masyarakat sebagai agen perubahan sosial dan sokongan moral yang berterusan. Mengadaptasi pendekatan *tazkiyat al-nafs* dalam bentuk yang lebih kontemporari, seperti modul khas untuk remaja, terapi psikospiritual dan pendekatan multimedia berasaskan nilai Islam. Dengan pelaksanaan cadangan ini, pendekatan *tazkiyat al-nafs* bukan sahaja akan memberikan impak positif semasa pelatih berada dalam pusat pemulihan, malah berpotensi melahirkan individu yang lebih stabil secara emosi, kukuh secara rohani, serta mampu menghadapi cabaran dunia nyata dengan lebih yakin dan berdaya saing.

KESIMPULAN

Program *tazkiyat al-nafs* yang dilaksanakan di Raudhatul Sakinah terbukti berkesan dalam membentuk penghayatan agama serta memupuk tingkah laku positif dalam kalangan pelatih. Melalui pendekatan berasaskan penyucian jiwa yang berteraskan prinsip Islam seperti muhasabah, taubat,

sabar, dan riyadah al-nafs, pelatih telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam aspek kerohanian dan moral. Data kajian kuantitatif menunjukkan skor min yang tinggi bagi amalan kerohanian seperti solat, doa, taubat, dan qiamullail, menggambarkan pengamalan spiritual yang kukuh dan menyumbang kepada perubahan tingkah laku yang lebih baik.

Namun begitu, cabaran tetap wujud, terutama apabila pelatih kembali ke persekitaran luar yang kurang terkawal. Terdapat juga aspek yang perlu dipertingkatkan seperti penghayatan terhadap maksud al-Quran dan keupayaan mengurus tekanan emosi. Justeru, keberkesanan jangka panjang program ini memerlukan pelaksanaan strategi susulan yang menyeluruh seperti sistem sokongan pasca pemulihan, penglibatan keluarga dan komuniti, serta modul latihan pengurusan emosi secara berterusan. Secara keseluruhannya, pendekatan tazkiyat al-nafs bukan sahaja relevan, malah berpotensi tinggi sebagai model intervensi Islamik yang holistik dalam menangani krisis akhlak dan sosial remaja wanita di Malaysia. Ia mampu melahirkan individu yang lebih seimbang dari segi spiritual, emosi dan sosial, seterusnya menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih berakhlak dan bertamadun.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

PENGHARGAAN

Tiada

SUMBANGAN PENULIS

Wan Nornabilah Wan Mohd Azman merangka idea asal kajian dan membuat draf penulisan bagi artikel ini. Fariza Md Sham membuat semakan literatur, suntingan kandungan dan penyeliaan keseluruhan penulisan artikel. Semua penulis telah menyemak dan meluluskan versi akhir artikel ini.

RUJUKAN

Abu Dardaa, Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah & Ahmad Irdha Mokhtar. 2022. *Konsep Tazkiyat al-Nafs dan Kesejahteraan Jiwa al-Muhasibi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Al-Ghazali. 2000. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd Jurairi Sharifudin. 2023. *Personaliti Dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fitri Munawaroh Zailani, Muhamad Faisal Ashaari & Salasiah Hanin Hamjah. 2022. Sorotan Karya Bersistematik Terhadap Pengulangan Kes Jenayah dalam Kalangan Bekas Banduan di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1): 150-170.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. 2014. *Multivariate Data Analysis* (7th ed.). Pearson Education Limited.
- Hamid, D. T. A., Yahya, M., & Latif, N. W. A. 2021. Pengukuhan nilai spiritual dalam pemulihan akhlak penghuni institusi pemulihan wanita. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(3): 87-98.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Khairul Hamimah Hamzah et al. 2014. Spiritual Approach in Rehabilitation of Female Juvenile Delinquents. *International Journal of Islamic Thought*, 6: 49-58.
- Latifah Arifin. 2020. Jenayah rogol, mencederakan meningkat pada 2019. *Berita Harian*. 20 November.
- Mohd Alif Jasni, Nazirah Hassan, Fauziah Ibrahim, Mohammad Rahim Kamaluddin & Norruzeyati Che Mohd Nasir. 2022. Motivasi Pengulangan Kesalahan Dadah Dan Ketidakinginan Berubah Gelandangan Bekas Banduan di Jalan Chow Kit. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(4): 139-148.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2020. *Tasawuf dan Penyucian Jiwa dalam Islam*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Islam Malaysia.
- Nadiea Binti Ismail & Salasiah Hanin Hamjah. 2017. Pendekatan Tazkiyah al-Nafs dalam Menghadapi Postpartum Depression: Satu Analisis Literatur. *Fikiran Masyarakat* 5(3): 132-138.
- Nurul Wafiqah Abd Latif, Masuriyati Yahya & Dayang Tiawa @ Noriah Awang Hamid. 2023. Pelaksanaan Dakwah Islam dalam Membangunkan Program Pemulihan Kerohanian dan Akhlak Secara Efisien dan Berkualiti: Pendekatan di Sebalik Tirai Besi. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 28-39.
- Zainol, N. Z. N., Mustapaha, A. S., Mohammad, C. A., Mohamed, N. K., & Saad, M. F. M. 2021. The Propose on Tazkiyah Al-Nafs approach by Sheikh Said Hawwa for Women Rehabilitation

Centre. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 11(9): 427–438.

SENARAI PENGARANG

Wan Nornabilah Wan Mohd Azman (Penulis Penghubung)*
Pelajar
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi,
Selangor, Malaysia.
E-mel: a189287@siswa.ukm.edu.my

Prof. Dato' Dr Fariza Md Sham
Professor
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi,
Selangor, Malaysia.
E-mel: farisham@ukm.edu.my